

**MAJLIS POLEMIK SEJARAH MALAYSIA
SESI KE-47**

**“TAMADUN AWAL NEGARA DARI PERSPEKTIF
SUMBER SARJANA CHINA”**

Tajuk:

**TAMADUN TANAH MELAYU DARI
PERSPEKTIF CATATAN YI-JING ABAD KE-7**

Oleh:

Dato' Goh Hin San

28 September 2021 (Selasa)

Anjuran:

ARKIB NEGARA MALAYSIA

TAMADUN TANAH MELAYU DARI PERSPEKTIF CATATAN YI-JING ABAD KE-7

Oleh:

Dato' Goh Hin San
Presiden Persatuan Kebudayaan Han Malaysia

Pendahuluan

Penglibatan saya terhadap pengkajian asal-usul tamadun awal Tanah Melayu bermula pada 8 Disember 2014 apabila saya dilantik sebagai ketua penyelidikan I-Tsing Abad ke-7 Maslhi oleh Tan Sri Rais Yatim, pengasas Yayasan Warisan Negara Malaysia dalam suatu upacara pelantikan di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

I-Tsing, nama khas ini seterusnya saya akan gunakan sebutan baku Bahasa Cina yang tepat ialah Yi-Jing, seorang sarjana dan pendeta China yang lahir pada tahun 635 di Shangdong, China dalam Dinasti Tang. Beliau telah saya gelarkan kedudukan sejarahnya sebagai "Tokoh pertama menjejak kaki dua kali di Tanah Melayu serta menulis buku catatan tentangnya pada abad ke-7".

Sayangnya buku Yi-Jing masih belum diterjemahkan dalam bahasa Melayu, berdasarkan buku catatan yang ditulis dalam tatabahasa kuno Cina yang sukar difahami, saya terpaksa merujuk bahan-bahan taksiran yang sedia ada mengenai buku Yi-Jing dalam bahasa moden Cina sekarang serta merujuk pakar-pakar bahasa di Universiti Peking untuk mengenal pasti catatan-catatan yang ada hubung kait mengenai Tanah Melayu pada abad ke-7 yang tidak pernah diketahui ramai sebelum ini.

Memang tidak ada sebarang catatan sejarah Tanah Melayu oleh sesiapa pun pada abad ke-7 melainkan Yi-Jing yang sempat kita ditemui, sumber sejarah sebagai salah satu dari cagar budaya adalah aset kekayaan tamadun dan

sejarah bangsa yang sangat perlu dilindungi dan diselamatkan demi pengembangan dan pembinaan sesebuah bangsa dan negara, justru itu, dalam tempoh beberapa tahun kemudiannya setelah pelantikan saya untuk mencungkil dan mengumpul bahan Yi-Jing yang dijadikan fakta sejarah dari sumber yang diyakini, kertas kerja ini dibentangkan sebagai penyelidikan awal tentang hubungan Tanah Melayu berdasarkan catatan dan bahan Yi-Jing, saya cuba memperolehi sumber sejarah yang ada pada pengembaraan ke beberapa buah negara dan kawasan termasuk China, Indonesia, India, Thailand, Sri Lanka, Taiwan, Hong Kong dan Kedah, Malaysia.

Penemuan Arkeologi Kedah dengan Catatan Persuratan Yi-Jing

Dua buku ditulis oleh Yi-Jing yang berjudul "Catatan Pengalaman Penjelajahan ke Lautan Selatan" dan "Hikayat Sami Menuntut Ilmu ke Barat Dinasti Tang" merupakan bahan rujukan yang paling utama dalam kajian hubungan Tanah Melayu dengan negara China pada zaman Dinasti Tang yang bermula dari tahun 618 hinggan tahun 907 yang pentabdirannya selama 289 tahun.

Yi-Jing (635-713) diahir dalam kemakmuran Dinasti Tang yang membuka pintu seluas-luasnya untuk mengizinkan pedadang-pedagang asing berniaga di benua China sehingga beliau sempat menaiki kapal perdagangan Parsi dari pelabuhan Guangzhou ke Palembang, Indonesia pada tahun 671. Pada tahun berikutnya, Yi-Jing belayar ke Selat Melaka dengan berpanduan Gunung Jerai sebagai petunjuk untuk memasuki Tanah Melayu melalui sungai Merbok yang akhirnya tiba di Lembah Bujang, Kedah pada tahun 672. Dalam buku beliau menyebut tempat ini sebagai "Cheh-Cha". Pakar-pakar bahasa China atas permintaan saya sedang mengenal pasti apa maksudnya bunyi "Cheh-Cha" dalam bahasa kuno China, adakah nama ini nama sebuah kerajaan awal di Semenanjung Tanah Melayu yang sekarang kita namakan Kedah Tua? Apakah nama sebenarnya "Cheh-Cha" ini ada kaitan dengan Kataha, Kadaram, Kalagram, Kalah Bar yang terdapat dalam kajian sejarah sebagai nama gantian Kedah Tua?

Dengan penemuan relau-relau peleburan besi dan 'tuyere' di tapak ekskavasi Sungai Batu, Kedah yang diketuai oleh Profesor Dato' Dr. Mokhtar Saidin, mantan Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia, saya sempat bekerjasama dengan beliau untuk menterjemahkan catatan Yi-Jing ke dalam bahasa Melayu, dalam tulisannya jelas menunjukkan bahawa pendeta China ini sudah nampak dan tahu nilai harga besi yang ditemuinya di Cheh-Cha pada tahun 672, pada masa itu beliau hanya singgah sementara di Tanah Melayu ini sebelum meneruskan perjalanannya ke Nalanda, India.

Mengikut kajian dan penyelidikan perjalanan Yi-Jing jelas tercatat bahawa beliau berangkat dari pelabuhan Guangzhou pada bulan November tahun 671 mengikut kalendar Cina, selama 20 hari pelayaran di Laut China Selatan sehingga tiba di Palembang, Indonesia pada bulan Disember 671. Yi-Jing tinggal di Palembang zaman pra-Sri Wijaya selama 6 bulan, yang saya katakan zaman pra-Sri Wijaya kerana kerajaannya ditubuh pada tahun 682, Yi-Jing sampai ke sini 11 tahun lebih awal penubuhan Sri Wijaya. Pada bulan Jun 672 beliau belayar ke sebuah negara yang dinamakan Mo Luo Yu, mengikut kajian saya jelas menunjukkan bahawa inilah nama terawal istilah "Melayu" muncul dalam catatan sejarah China. Yi-Jing berehat di Mo Luo Yu selama 2 bulan baru belayar dan tiba di Cheh-Cha pada bulan Ogos 672, untuk menunggu kapal dan angin monsun, Yi-Jing bertolak dari Cheh-Cha pada bulan Disember 672 menuju ke India, ini bermakna kali pertama beliau singgah 5 bulan lamanya di Semenanjung Tanah Melayu.

Yang menarik perhatian saya, dalam 5 bulan Yi-Jing tinggal di Cheh-Cha yang sekarang sudah kenal pasti di sekitar Sungai Mas, Sungai Batu berhampiran di tebing Sungai Merbok, Lembah Bujang di bawah dataran Gunung Jerai, Kedah, saya menganggap bahawa beliau memang seorang yang minat mencatat apa yang dilihat dan apa yang dialami dalam buku beliau, boleh dipastikan beliau tidak menyedari apa yang dicatat ini akan menjadi bahan rujukan sejarah yang paling berharga dalam sejarah perkembangan tanah air kita Malaysia.

Penemuan ekskavasi tapak arkeologi Sungai Batu dan Lembah Bujang mulai tahun 2009 telah membuktikan Kedah sebagai tamadun tertua di Asia Tenggara, catatan Yi-Jing menguatkan lagi dari segi persuratannya. Penemuan arkeologi bersama dengan catatan persuratan Yi-Jing membuktikan Kedah Tua sudah maju dan makmur pada abad ke-7 sehingga mengeksport besi separuh buatan dengan beratus-ratusan peleburan besi dan beribu-ribu 'tuyere' yang ditemui sekarang, apa yang dicatat dalam buku "Hikayat Sami Menuntut Ilmu Ke Barat Dinasti Tang", dalam bab yang berjudul "Riwayat Hidup Sami Xuan Kui" berbunyi seperti berikut:

"JENIS PERDAGANGAN YANG PALING DIGEMARI,
TIDAK LAIN TIDAK BUKAN IALAH BESI,
BENTUK SEBESAR CANTUMAN DUA JARI LEBARNYA,
BOLEH JUAL DENGAN KELAPA 5 BIJI HINGGA SEPULUH BIJI
HARGANYA"

Bahasa kuno Cina yang dicatat oleh Yi-Jing hanya 19 patah perkataan yang dijangka menulisnya di antara bulan Ogos hingga bulan Disember tahun 672, tetapi catatan ini cukup penting kerana ianya membawa mesej yang begitu ketara bahawa Kedah Tua sudah menjadi pusat perdagangan yang makmur di antara Barat dan Timur pada abad ke-7, kira-kira 1349 tahun yang lalu jika dikira pada tahun 2021 ini, dan juga 590 tahun lebih awal daripada penubuhan Kesultanan Melaka pada tahun 1262.

Kewujudan Kerajaan Langkasuka dengan Catatan Persuratan Yi-Jing

Selain daripada kerajaan Kedah Tua sebagai tamadun awal dalam sejarah Tanah Melayu yang perlu kita warisi, sebuah kerajaan di persisiran pantai timur semenanjung Tanah Melayu yang wujud beratus tahun patut kita pelihara sebagai khazanah sejarah negara. Kerajaan Langkasuka memang wujud dan pernah dicatat 5 kali dalam dua buku Yi-Jing yang jelas menunjukkan wilayah penjajahannya berbeza dengan kerajaan Kedah Tua.

Dalam buku “Hikayat Sami Menuntut Ilmu Ke Barat Dinasti Tang”, dalam bab yang berjudul “Riwayat Hidup Sami Yi-Lang” yang pertama kali menyebut dengan jelas tentang Negara Langkasuka seperti berikut:

“SETERUSNYA SUDAH TIBA DAERAH WU LEI,
KEMUDIAN KITA SAMA-SAMA NAIK KE KAPAL PERDAGANGAN,
LAYAR KAPAL DITARIK UNTUK MULA BERLAYAR KE LAUT,
OMBAK LAUT YANG BEGITU BERGELORA,
KAPAL PERDAGANGAN SELAMAT BERLABUH DI NEGARA FUNAN
(VIETNAM),
UNTUK SEKETIKA AKHIRNYA KITA BERHENTI DI NEGARA
LANGKASUKA.

Bab yang sama menceritakan bagaimana layanan Raja Langkasuka kepada sami Yi-Lang,

“SAYA DISANJUNG BEGITU TINGGINYA DAN DILAYAN SEBAGAI
TETAMU KEHORMAT YANG MULIA OLEH MAHARAJA LANGKASUKA”

Dalam buku yang sama dengan bab yang berjudul “Riwayat Hidup Sami Yi-Hui”, Yi-Jing mencatat seperti berikut:

“APABILA TIBANYA DI NEGARA LANGKASUKA,
YI-HUI DIJANGKITI PENYAKIT YANG TIDAK DAPAT DIUBATI,
AKHIRNYA MENINGGAL DAN DIKEBUMIKAN DI LANGKASUKA,
UMURNYA HANYA TIGA PULUHAN SAHAJA.”

Catatan keempat mengenai Langkasuka dalam buku yang sama dengan bab yang berjudul “Riwayat Hidup Sami Dao-Lin” ,

“MENYEBERANGI DAERAH TONG ZHU,
KAMI TIBA NEGARA LANGKASUKA,
KEMUDIAN MELALUI SUNGAI DAN BUKIT,
KAMI SAMPAILAH NEGARA ORANG ASLI TANPA PAKAIAN”

Saya menyelidik ayat ini dengan mendapat pandangan dari pakar-pakar sejarah dan badan arkeologi China, saya mendapati satu kesimpulan bahawa negara orang asli tanpa pakaian yang Yi-Jing catatkan dalam bab ini melalui pengalaman dan cerita sami Dao-Lin, ialah negara Kedah Tua. Yi-Jing tidak pernah ke Langkasuka kerana perjalanannya terus ke Palembang melalui Lautan China Selatan, yang pernah ke Langkasuka ialah sami Dao-Lin.

Keempat-empat catatan di atas mengenai Langkasuka bersumber dari sebuah buku yang sama, tetapi catatan kelima dari buku yang berlainan iaitu "Catatan Pengalaman Penjelajahan Ke Lautan Selatan", dalam bab pendahuluan buku ini tertulis seperti berikut:

DI SEBELAH ARAH TENGGARA
ADA SEBUAH NEGARA
YANG BERNAMA LANGKASUKA

Secara kesimpulan wujudnya negara Langkasuka hendaklah dianggap hak miliki sejarah Tanah Melayu sebagai tamadun awal negara kita yang tidak boleh dipisahkan oleh proses pertukaran geologi serta pembahagian sempadan, sejarah patut dihormati dan dipelihara untuk memperingati jasa nenek moyang kita yang pernah hidup di bumi tanah air ini.

Adakah Jalan Sutera merentasi Semenanjung Tanah Melayu?

Dalam buku Yi-Jing terdapat 5 catatan yang menulis dengan jelasnya tentang kewujudan negara Langkasuka, berdasarkan kajian catatan Yi-Jing dan bahan-bahan rujukan yang lain dari negara China, saya ingin meneroka ke suatu lembaran sejarah yang tidak pernah kita bincang sebelum ini, iaitu adakah sebatang jalan sutera yang pernah direntasi oleh pedagang-pedagang China melalui sungai dan bukit di utara semenanjung Tanah Melayu dari negara Langkasuka ke negara Cheh-Cha iaitu Kedah Tua, untuk bertukar barang-barang dagangan dengan kapal-kapal dari Barat, tetapi aktiviti-aktiviti kebudayaan dan perdagangan dalam sejarah negara kita tidak

diketahui, kerana tidak ada catatan dan tulisan yang mengenainya sehingga ianya terpupus dan terpendam dalam hanyutan sejarah?

Catatan Yi-Jing sudah menimbulkan rasa ingin tahu saya tentang wujudnya misteri jalan sutera yang hilang ribuan tahun ini, hasrat saya akhirnya mendapat sokongan dan kerjasama dari Dato' Zulkifli Hamzah, seorang sejarahwan yang minat menyelidik kebudayaan dan kesenian Langkasuka, kami menubuhkan sebuah pasukan peneroka untuk mencari sumber dan asal-usul jalan sutera tersebut berpandukan dengan catatan Yi-Jing yang ada.

Dalam bukunya "Hikayat Sami Menuntut Ilmu ke Barat Dinasti Tang", ada satu petikan yang bagi saya berupa suatu perenggan ajaib yang cukup memikat perhatian saya,

"MEMANDANG KE PANTAI DARI TIMUR,
AGAK JARAK SATU DUA BATU JAUHNYA,
TERNAMPAK POKOK KELAPA SEGAR TUMBUH,
POKOK PINANG SUNGGUH MEMIKAT HATINYA.

PENDUDUK TEMPATAN SEDAR KAPAL DAGANG DATANG,
BEREBUT-REBUTAN NAIKI SEGERA PERAHU DAN SAMPAN,
PERAHU KECIL RATUSAN MUATAN BARANG TUKARAN,
ADA KELAPA PISANG DAN BAKUL BUATAN SIMPANAN.

PEDAGANG ASING YANG PALING BERMINAT,
HANYALAH BESI YANG MEREKA SUKA,
BESI JADI PILIHAN UTAMA YANG BERTAMBAH HARGA,
KAITKAN NAMA BESI DISEBUT SEBAGAI "LU HE".

Berdasarkan apa yang disaksi oleh Yi-Jing pada tahun 672 di Cheh Cha, yang disebut tentang perahu-perahu kecil barang tukaran dengan pedagang-pedagang asing yang datang, dan juga mencatat bahawa besi jadi pilihan utama perdagangan, perkara ini sudah dibuktikan dengan penemuan

beratusan peleburan besi kuno di sekitar Lembah Bujang sekarang. Tambahan lagi catatan dalam “Riwayat Hidup Sami Dao-Lin” yang mengisahkan Sami Dao-Lin sendiri merentasi sungai dan bukit dari Langkasuka sampai ke Cheh Cha, ini bermakna Kedah Tua dan Langkasuka memang dua kerajaan tamadun awal di Asia Tenggara.

Pada 17 hingga 27 Februari 2016, pasukan peneroka terdiri daripada kumpulan China Central Television (CCTV), Pusat Kebudayaan Han Malaysia, dan Langkasuka Movement dengan bantuan pemimpin-pemimpin tempatan dari Hatyai, Pattani, Yarang, Songkhla, pasukan peneroka sempat menemui perahu kecil kuno muatan barangan yang boleh ditarik oleh gajah untuk menyeberangi gunung Titiwangsa dari Sungai Pattani ke Sungai Muda dan Sungai Ketil, yang akhirnya boleh bertembung Sungai Merbok, Kedah. Pada abad ke-7 yang dicerita oleh Sami Dao-Lin tidak ada sempadan Thailand dan Malaysia, wilayah Tanah Melayu yang ditadbir kerajaan Langkasuka dan kerajaan Kedah Tua semuanya bersepadu di bawah suatu tamadun awal negara kita.

Penyelidikan dari penerokaan dan perjalanan 10 hari dari Coastal Pattani yang menghala ke pesisiran pantai Lautan Cina Selatan ke Lembah Bujang Kedah yang mengarah ke Lautan Hindi meyakinkan kami catatan Yi-Jing mengenai pengalaman Sami Dao-Lin adalah benar, kerana tanah serupa bentuk kerongkong di utara semenanjung Tanah Melayu dari segi georafi memang dianggap dataran yang paling sempit menghubungkan Timur dengan Barat di bumi. Tidak hairan kalau orang pada zaman dahulu menggunakan jalan sutera yang dekat dan menjimat masa untuk berdagang, kerana kapal besar yang belayar di Lautan Cina Selatan perlu menunggu monsun angin yang memakan masa yang panjang.

Penyelidikan sejarah adakah jalan sutera yang wujud di semenanjung Tanah Melayu masih perlu kajian dan arkeologi yang mendalam, pandangan awal saya ini berdasarkan sumber yang diperolehi hanya untuk membuka kemungkinan laluan kepada pakar-pakar sejarah dan ahli-ahli arkeologi pada masa depan untuk membuktikannya.

Rujukan

- 〔后晋〕刘昫等撰，《旧唐书》，北京：中华书局点校本，1975 年。
- 〔晋〕法显撰，章巽校注，《法显传校注》，北京：中华书局，2008 年。
- 〔南宋〕赵汝适撰，冯承钧校注，《诸蕃志》，北京：中华书局，1956 年。
- 〔唐〕杜佑撰，王文锦等点校，《通典》，北京：中华书局，1988 年。
- 〔唐〕玄奘、辩机撰，季羡林校注，《大唐西域记校注》，北京：中华书局，2000 年。
- 〔唐〕义净撰，王邦维校注，《大唐西域求法高僧传校注》，北京：中华书局，1988 年。
- 〔唐〕义净撰，王邦维校注，《南海寄归内法传校注》，北京：中华书局，1995 年。
- 元〕汪大渊撰，《岛夷志略》，北京：中华书局，1981 年。

Pasukan Peneliti Balai Arkeologi Palembang, Laporan Penelitian Arkeologi Pusat Kerajaan Sriwijaya di Palembang, Provinsi Sumatera Selatan, Palembang, 2014.

王亚荣《西行求律法一义净大师传》，台湾高雄：佛光文化，2011 年。

冼庆彬主编《广州：海上丝绸之路发祥地》，香港：中国评论学术出版社，2007。

钟锡金《吉打二千年》，马来西亚亚罗士打：赤土文丛编辑部，1993 年。

D.G.E. Hall, The History of South-east Asia, New York and London, 1968.

Ed. Chavannes, Mémoire composé à l'époque de la grande dynastie T'ang sur les religieux éminents qui allèrent chercher la loi dans les pays d'Occident, Paris, 1894.

G, Coedès, The Indianized States of Southeast Asia, English ed., Canberra, 1975.

I-Tsing, Kiriman Catatan Praktik Buddhadharma dari Lautan Selatan, Jakarta, 2014.

P. Wheatley, The Golden Khersonese, Kuala Lumpur, 1966.

R.Ardiwidjaja, B.B. Utomo, N.Rangkuti, Pengembangan Pawriwisata Warisan Budaya, Yogyakarta, 2013.

S. Beal, The Life of Hiuen Tsiang by the Shaman Hwui Li, with an introduction containing an account of the works of I-Tsing, London, 1911.

S. Chia & B.W.Andaya, Bujang Valley and Early Civilisations in Southeast Asia, Pulau Pinang, 2011.

Takakusu, A Record of the Buddhist Religion as Practised in India and the Malay Archipelago, translated, Oxford, 1986.

V. Nadarajan, Bujang Valley, Kedah, 2012.